

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Program (“LMP”) ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank (“Bank”) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Sentiasa di sisi Anda

Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah Pembiayaan Ar-Rahnu?

- Pembiayaan Ar-Rahnu adalah kemudahan patuh Syariah yang menggunakan barang emas sebagai cagaran bagi menjamin obligasi keterutangan. Tempoh dan kadar pembiayaan ditentukan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Agrobank dan Pelanggan).
- Konsep Shariah yang terpakai bagi pembiayaan Ar-Rahnu adalah Tawarruq dan Rahn.
- Tawarruq melibatkan dua (2) kontrak jual beli yang berasingan melalui akad perwakilan. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pelanggan melalui Bank sebagai wakilnya) secara tangguh. Seterusnya, Pembeli (Bank sebagai wakil Pelanggan) bagi urusniaga penjualan yang pertama menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lari dan jumlah pembiayaan akan dikreditkan ke dalam akaun pembiayaan pelanggan.
- Rahn merujuk kepada satu kontrak gadaian di mana satu pihak sebagai Penggadai (“Rahn”) membuat gadaian ke atas aset sebagai cagaran (“Marhun”) bagi memenuhi liabiliti atau obligasi keterutangannya kepada satu pihak yang lain iaitu Penerima Gadaian (“Murtahin”) sekiranya berlaku kegagalan di pihak Penggadai dalam memenuhi obligasi tersebut.
- Ciri-ciri Pembiayaan Ar-Rahnu:-

Kriteria kelayakan	<ul style="list-style-type: none"><li>Terbuka kepada Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap berumur 18 tahun sehingga 70 tahun (semasa permohonan).</li></ul>								
Jenis-jenis barang emas	<ul style="list-style-type: none"><li><b>Barang Kemas Emas</b> 999, 950, 916, 875, 835, 750</li><li><b>Syiling Emas dan Kepingan Emas</b> Gred mutu emas: 916 hingga 999</li><li><b>Nota:</b> Menerima semua jenis kepingan emas dan syiling emas termasuk kepingan emas penghargaan dari majikan.  Semua jenis syiling dan kepingan emas yang dikeluarkan/diedarkan oleh Syarikat Pengedar, Kerajaan Negeri dan Bank di Malaysia KECUALI syarikat yang tidak mendapat kelulusan/kebenaran (serta disenaraikan hitam oleh Bank Negara Malaysia (BNM)) <a href="#">Financial Consumer Alert List - Bank Negara Malaysia (bnm.gov.my)</a></li></ul>								
Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"><li>Maksimum sehingga 80%* daripada nilai pasaran semasa barang emas. *tertakluk kepada jenis barang emas</li></ul>								
Tempoh Matang	<ul style="list-style-type: none"><li>Lapan belas (18) bulan.</li></ul>								
Kadar Keuntungan Bulanan	<table border="1"><thead><tr><th>Nilai Marhun (NM)</th><th>Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM</th></tr></thead><tbody><tr><td>RM100-RM2,000</td><td>RM0.55</td></tr><tr><td>RM2,001-RM5,000</td><td>RM0.65</td></tr><tr><td>RM5,001 &amp; ke atas</td><td>RM0.80</td></tr></tbody></table> <p>Nota: Keuntungan Bulanan Minimum adalah RM10.</p>	Nilai Marhun (NM)	Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM	RM100-RM2,000	RM0.55	RM2,001-RM5,000	RM0.65	RM5,001 & ke atas	RM0.80
Nilai Marhun (NM)	Kadar Keuntungan Bulanan bagi setiap RM100 NM								
RM100-RM2,000	RM0.55								
RM2,001-RM5,000	RM0.65								
RM5,001 & ke atas	RM0.80								
Cara Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"><li>Keuntungan Bulanan: Setiap enam (6) bulan secara sekaligus.</li><li>Jumlah Pembiayaan: Secara sekaligus pada/ sebelum Tarikh Matang.</li></ul>								

- Menerima semua jenis emas termasuk wafer emas, jongkong emas, syiling emas, dan ketulan emas yang dihasilkan oleh semua tukang emas, institusi emas, dan pengeluar emas KECUALI syarikat yang telah disenaraikan hitam oleh Bank Negara Malaysia, Amaran Pengguna, Amaran Penipuan dan Amaran Keselamatan Suruhanjaya Sekuriti.

### 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi pembiayaan Ar-Rahnu ini, sebagai ilustrasi:

- Nilai Marhun (NM): **RM29,000.00**
- Margin Pembiayaan: Sehingga 80% daripada nilai marhun
- Jumlah pembiayaan anda: **RM23,200.00**
- Kadar keuntungan setiap 6 bulan: **RM1,392**
- Tempoh pembiayaan anda: **18 Bulan**

Secara keseluruhan anda akan membayar **RM27,376.00** pada akhir tempoh 18 bulan.

**Anda perlu membayar fi dan caj berikut:**

- Pihak bank tidak mengenakan sebarang fi terhadap Pembiayaan Ar-Rahnu
- (Jika) Sebarang fi yang berkaitan adalah tanggungan pihak bank ke atas pembiayaan perianjian Ar-Rahnu

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **termasuk utama** dalam **kontrak** sebelum menandatanganinya.



Bayar jumlah keuntungan anda pada setiap 6 bulan, tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



**Hubungi kami segera** sekiranya anda tidak dapat membuat bayaran keuntungan (setiap 6 bulan).

**Jika anda gagal menyelesaikan segala jumlah tertunggak di bawah kemudahan pembiayaan, anda perlu tahu:**

- Pihak Agrobank berhak untuk menjual barang emas yang telah dicagarkan bagi menjelaskan Jumlah Pembiayaan berserta Keuntungan yang dikenakan dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan penjualan tersebut.

**Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?**

- a. Gagal menyelesaikan jumlah keterhutangan sebelum atau pada tempoh yang ditetapkan

Pihak Agrobank berhak melaksanakan tender jualan ke atas barang cagaran bagi menyelesaikan jumlah keterhutangan tersebut. Sekiranya terdapat lebihan dari hasil jualan setelah ditolak dengan jumlah keterhutangan, pihak bank akan memulangkan lebihan tersebut kepada anda. Sekiranya hasil penjualan barang cagaran tidak mencukupi untuk menampung baki keterhutangan, pelanggan perlu melunaskan jumlah tersebut. Sekiranya gagal nama anda akan direkodkan dalam sistem CCRIS atau CTOS.

Penbusan Barang Cagaran tidak boleh dibuat sekiranya telah berlakunya tender jualan kepada pembida yang berjaya

**4. Termasuk Lain**

1. Rebah ('Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:
  - a) Pelanggan membuat penjelasan awal, penbusan awal atau membuat bayaran awal sebelum Tarikh Tamat Tempoh Aqad;
  - b) Pelanggan membuat penjelasan pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstruktur pembiayaan;
  - c) Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkinan mana walaupun Pelanggan mungkin, Pelanggan kemudian membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;
  - d) Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan penamat atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Jumlah rebat/'Ibra' pada masa penyelesaian awal sebelum tarikh matang adalah seperti berikut:-

**Ibra' pada masa penjelasan = Keuntungan tertangguh**

2. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
3. Pelanggan digalakkan untuk mengambil kemudahan Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok (GCFT) bagi melindungi baki pembiayaan dan menampung jumlah penyelesaian Pembiayaan Ar-Rahnu sekiranya berlaku kematian (Death) atau hilang upaya kekal (TPD). Pelan perlindungan ini membolehkan waris membuat tuntutan ke atas barang cagaran.
4. Pelan Perlindungan bagi Barang Cagaran yang dicagarkan adalah tertakluk di bawah polisi Takaful yang dibiayai oleh Agrobank. Sekiranya terjadi kerosakan/ kehilangan semasa berada di dalam simpanan Agrobank, Agrobank akan memberikan gantrugi mengikut kadar yang sama dengan nilai asal cagaran.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan lanjut mengenai pembiayaan Ar-Rahnu, anda boleh:**



Hubungi Pusat Panggilan Agrobank  
di 1-300-88-2476

Layari  
<https://www.agrobank.com.my/product/ar-rahnu/>

E-mel  
[customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)

**Pengakuan Pelanggan\***

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang maklumat yang anda tandatangani.

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

\*Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjasakan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai termasuk dan syarat produk.

-----  
Nama:  
Tarikh: